


Jilid1  
Bil.34



Hari Rabu  
30hb Januari, 1991

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4957]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 4995]

RANG UNDANG-UNDANG:  
Rang Undang-undang Perbekalan 1991  
Jawataakuasa—

Jadual:

Maksud B.49 dan B.50 [Ruangan 4996]  
Maksud B.51 [Ruangan 5000]  
Maksud B.52 [Ruangan 5035]  
Maksud B.53 [Ruangan 5096]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1991  
Jawatankuasa—  
Maksud P.49 dan P.50 [Ruangan 4996]  
Maksud P.51 [Ruangan 5000]  
Maksud P.52 [Ruangan 5035]  
Maksud P.53 [Ruangan 5096]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 5065]

DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR  
GHAZALI BIN JANI, K.M.N., A.M.P., P.P.T.,  
PEMANGKU KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA, MALAYSIA

1991

untuk membenarkan senjatapi yang dimiliki semasa menjadi Ahli Dewan Rakyat dapat dimiliki terus secara automatik setelah tidak memegang jawatan itu lagi. Ini ialah kerana asas keperluan pemilikan senjatapi semasa menjadi Ahli Dewan Rakyat dan selepas meninggalkan jawatan tersebut adalah berbeza terutamanya di lihat dari aspek tanggungjawab dan ancaman keselamatan.

Walaupun bagaimanapun, jika seseorang bekas Ahli Dewan Rakyat itu dapat membuktikan wujudnya asas keperluan pemilihan senjalapi, maka lesen senjatapi beliau masih boleh dilanjutkan lagi dengan hanya menukar syarat-syarat pemilihan senjatapi berkenaan.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN)**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991**

### **DAN**

### **USUL**

## **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991**

#### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan

atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kelimabelas*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.49 dan B.50 (Jadual)—*

*Maksud P.49 dan P.50 (Anggaran Pembangunan 1991)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri, sila sambung.

*3.36 ptg.*

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Pengerusi, dalam jawapan saya pada petang semalam, saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat untuk memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan siapa yang memiliki Syarikat CELCOM. Pemilik-pemilik Syarikat CELCOM adalah Alpine Resource Sdn Bhd memegang 51% yang dijual oleh STM dan Fleet Group Sdn Bhd, 49%. Kementerian ini telah diberitahu bahawa Fleet Group Sdn Berhad telah menandatangani perjanjian jual-beli bersyarat dengan Time Engineering Sdn Bhd untuk menjual kesemua saham yang dipegang kepada Time Engineering Sdn Bhd. Pindah-milik saham sedang menunggu kelulusan C.I.C.

CELCOM ART-900 pada mulanya berkhidmat di Lembah Kelang dan Johor Bharu. Baru-baru ini perkhidmatan telah diperluaskan ke Alor Setar, Pulau Pinang, Sungai Petani, Kuala Kangsar, Ipoh, Taiping, Kuantan, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Batu Pahat dan Pontian. Pada hujung tahun ini, perkhidmatan akan diperluaskan